



03 JAN, 2025

## TNB bersedia pertahan gelaran trebel



Kosmo, Malaysia

# TNB bersedia pertahan gelaran trebel

Oleh AIZATIE NAJMIN SULAIMAN

JUARA bertahan Liga Hoki Malaysia (MHL), Tenaga Nasional Berhad (TNB) optimis untuk memberikan cabaran hebat musim ini meskipun sedar akan tekanan mempertahankan status juara trebel.

Ketua Jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin percaya skuad bimbingannya memiliki kelebihan dari segi taktikal dan serangan yang dianggap antara yang terbaik ketika ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pemain untuk mengurus tekanan dengan bijak dalam usaha mempertahankan tiga trofi yang dimenangi tahun lalu.

"Kita nak meneruskan prestasi cemerlang kita untuk menang dalam setiap perlawanan. Tahun ini kita nak'kekalkan kejuaraan dan itu bukan sesuatu yang mudah."

"Memang status trebel pastinya memberi tekanan, tetapi saya tidak mahu pemain terbebani dengan itu. Fokus utama adalah memberikan aksi terbaik dan cuba mengelakkan kesilapan.



TNB menewaskan THT 4-2 dalam final Piala TNB, sekali gus melengkapkan gelaran trebel buat kali pertama pada musim lalu.

"Saya selalu pesan kepada pemain supaya sentiasa tenang, kurang melakukan kesilapan dan kekal fokus. Jika mereka mampu melakukanannya, saya yakin kami akan terus konsisten," katanya.

Sementara itu, ketua jurulatih

Terengganu Hockey Team (THT), Mohd. Harfizi Bahrom berazam menebus kekecewaan edisi lalu selepas hanya berjaya meraih tempat kedua di belakang TNB.

"Pemain sudah belajar dari pada pengalaman musim lalu.

Kami sedar betapa kecilnya jarak antara kami dan TNB. Kejayaan memenangi Piala Tun Abdul Razak baru-baru ini memberi motivasi tambahan untuk kami mengejar kejuaraan edisi kali ini," kata Harfizi.